

TEKS PENGGULUNGAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024
N34 PAYA TERUBONG
EXCO PELANCONGAN DAN EKONOMI KREATIF

Assalamualaikum Salam Penang 2030 & Salam Malaysia MADANI saya ucapkan Dato Yang Dipertua, Sahabat Barisan EXCO, Backbencher, Pembangkang dan Ahli Dewan Undangan Negeri sekalian kerana memberi saya ruang dan peluang untuk meneruskan sesi persidangan kita pada hari ini. Selaku EXCO Pelancongan Dan Ekonomi Kreatif saya akan terus menjawab segala kerisauan dan soalan yang timbul dalam dewan ini.

Berbalik fokus kepada Soalan 1-3 wakil **Bertam** yang bertanya berkenaan Pelan Tindakan Kerajaan Negeri rentetan Potensi Pulau Pinang selaku Pelancongan Agama.

Kerajaan Negeri melihat pelancongan agama di Pulau Pinang adalah diantara yang sememangnya merupakan destinasi pelancongan yang terkenal sebagai UNESCO World Heritage site (Dengan izin yang dipertua).

Menyedari hakikat ini, demi menampung pelancong yang datang ke Rumah Ibadat di Pulau Pinang. Kita telah memastikan semua rumah ibadat di Pulau Pinang terjaga dan boleh digunakan sebagai pusat pendidikan, tempat beribadat dan upacara keagamaan di bawah penjagaan;

1. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang
2. Pembangunan Rumah Ibadat Bukan Islam

Yang juga menguruskan dana dan memantau pengurusan.

Tuan yang dipertua,

Terus menjawab soalan kedua berkenaan pecahan perbelanjaan secara terperinci, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah

- RM21.48 juta untuk kegunaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP).
- Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak RM10.18 juta telah diluluskan untuk tujuan membina, menambah baik dan mengubah suai masjid serta surau di Pulau Pinang.

5 Perkara.

1. Kerja-Kerja Membina Semula bangunan Masjid Papan, Kampung Pertama, Seberang Perai Tengah;
2. Projek Meroboh Dan Membina Semula Masjid Jamek, Nurul Hidayah Sungai Lokan, Seberang Perai Utara;
3. Kerja Kerja Pembaikan Pendawaian Sistem Elektrik Masjid Abdullah Fahim, Seberang Perai Utara;
4. Pembiayaan 4 Projek masjid pada tahun 2023 telah siap dibina (di Butterworth, Bayan Lepas, dan Perai) dengan kos sebanyak RM7.5 juta daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan;
5. Pulau Pinang telah terpilih sebagai lokasi penganjuran bagi Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang akan meningkatkan lagi pelancongan agama.

Selain itu, Kerajaan negeri juga telah memperuntukkan dana untuk lebih 880 Tempat ibadat bukan islam yang telah didaftarkan di dalam e-RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (eRIBI) yang merangkumi kerja-kerja ;

1. Pembaikan;
2. Pengubahsuaian;
3. Penyelenggaraan; dan
4. Kecemasan.

Tuan yang Dipertua,

Seterusnya, bagi meningkatkan promosi pelancongan agama di Pulau Pinang, kita akan menganjuran pelbagai majlis-majlis rasmi lain di peringkat negeri seperti sambutan Maal Hijrah, Maulidur-Rasul dan Festival Nasyid dengan peruntukan yang

disalurkan Kerajaan Negeri berjumlah RM 718,250 dalam usahasama meningkatkan pelancongan agama. Kami menyasarkan pelancong dari peringkat antarabangsa kerana Pulau Pinang juga merupakan hub makanan halal, banyak makanan tradisi yang pelbagai.

Kerajaan negeri juga telah meningkatkan tahap ketercapaian pengangkutan ke tempat-tempat rumah ibadat dengan memanfaatkan peruntukan:

- RM15 juta bagi semua tajaan dan subsidi sektor pengangkutan untuk tahun 2024;
- RM1.6 juta pembiayaan bas Central Area Transit (CAT) di George Town.

Dato' Speaker

Tanpa membuang masa saya teruskan dengan menjawab soalan ADUN **AIR ITAM** berkenaan Isu Keselamatan di Bukit Bendera. Untuk menjawab soalan ini, Bukit Bendera adalah projek utama Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sendiri. Walaupun menerima jumlah pelancong yang banyak dalam masa yang sama, Pihak Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang telah berjaya membuktikan aspek keselamatan terjaga walaupun Landasan funikular telah berusia seratus tahun. Antara usaha yang telah dilakukan termasuklah;

1. Projek Menaik Taraf Stesen Atas Bukit Bendera (Fasa 4);
2. Peruntukan RM5.58 juta pembangunan bagi meningkatkan kemudahan fasiliti;
3. Penyelenggaraan secara dwi-tahunan;
4. Pemeriksaan keselamatan landasan funikular bagi memenuhi standard keselamatan;
5. Rondaan cegah jenayah oleh Anggota PDRM Balai Polis Bukit Bendera mengawal keadaan dari berlaku kesesakan.

Akhir sekali, menyentuh persoalan ADUN **TELUK AYER TAWAR** berkenaan Menambah baik Semula Ecotourism River Cruise yang sudah tidak beroperasi.

Selaras dengan kempen promosi pelancongan Re-Experience Penang. Ecotourism River Cruise merupakan tarikan yang unik untuk pelaburan jangka masa panjang

untuk bersedia tahun 2026 iaitu Tahun Melawat Malaysia. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk mentransformasikan sektor pelancongan. Bagi menjawab persoalan ini, kita perlu faham bahawa jika menyentuh berkenaan pembiayaan swasta, kos menambah baik hanya dapat dikenal pasti jika projek ini diluluskan oleh pemaju itu sendiri. Namun, kerja Kerja menaik taraf jeti pendaratan di Sungai Chenaam sudah dimasukkan di dalam cadangan projek Bajet Pembangunan Tahun 2024. Kerajaan Negeri akan terus meneliti cadangan projek yang dikemukakan melalui Sesi Libat Urus dan akan memberikan pertimbangan berdasarkan kedudukan kewangan negeri.

Bagi menjawab soalan YB, Kerajaan Negeri juga telah menerima peruntukan sebanyak RM25 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk tujuan pengurusan

1. Penaiktarafan laluan kaki-lima;
2. Menaik taraf sistem pencarian jalan (wayfinding systems);
3. Projek pengurangan risiko bencana;
4. Pemuliharaan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town;
5. Pelaksanaan projek-projek lain.

Lokasi-lokasi ini dipenuhi dengan alam semula jadi dan taman tema berasaskan pertanian yang juga merupakan salah satu bentuk pelancongan-eko (eco-tourism)

Seterusnya,

Bagi menjawab permintaan terakhir ADUN **TELUK AYER TAWAR** bagi Memajukan Kampung Tersusun sebagai Destinasi Pelancongan Utama,

Kerajaan negeri sentiasa komited mempromosikan pelancongan luar bandar. Kita telah menaiktaraf kemudahan infrastruktur di kawasan sekitar balik pulau dan seberang perai selaras dengan Penang Global Tourism (PGT) untuk mempromosikan sektor pelancongan luar bandar yang terdapat di Pulau Pinang sehingga ke peringkat antarabangsa.

The Other Side of The Island – Balik Pulau

The Opposite Side of The Island – Seberang Perai

Namun untuk menjadikan sesuatu kawasan sebagai destinasi pelancongan utama memerlukan banyak pertimbangan yang perlu dilakukan. Sebaliknya kita boleh memajukan Kampung Tersusun sebagai kawasan pelancongan desa yang akan menyumbang kepada EKONOMI KREATIF. Kami percaya Kampung Tersusun berpotensi merangsang industri warisan, seni dan budaya di Pulau Pinang. Perkara ini akan disokong oleh pihak PGT untuk mempromosikan inap desa dan aktiviti luar bandar kepada pelancong dan pelajar domestik serta antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

Muhammad Uwais Bin Mohd Hazril Munir @ Umar
N34 Paya Terubong
Sidang Muda 2024

